

17/10/2000

Puteri Umno bertujuan perkukuh Wanita

KUALA LUMPUR, Isnin - Puteri Umno, yang penubuhannya hangat diperkatakan sekarang, bukannya satu badan baru bagi menggantikan Pergerakan Wanita Umno, sebaliknya bertujuan mamantapkan sayap kiri parti itu.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, cadangan menubuhkan Puteri Umno juga bukan bertujuan meminggir Wanita Umno, yang banyak berjasa kepada parti selama ini.

"Presiden dan Majlis Tertinggi (MT) menghargai peranan wanita dalam perjuangan dan aktiviti Umno dari dulu sampai sekarang. Penubuhan Puteri Umno tidak bermakna parti tidak berpuas hati atau menghargai peranan dan sumbangan Wanita.

"Struktur dan had umur Puteri belum diputuskan. Mesyuarat MT bersetuju pada dasarnya untuk meneruskan cadangan penubuhan Puteri Umno bagi memantapkan parti," katanya.

Penubuhan Puteri Umno yang dicadangkan ahli MT, Azalina Othman mendapat pelbagai reaksi termasuk bantahan daripada beberapa pemimpin Wanita Umno terutama berhubung had umur sehingga 40 tahun.

Dr Mahathir berkata, keputusan tidak akan dibuat sehingga struktur pembentukan Puteri Umno dikenal pasti bagi disesuaikan dengan perlembagaan parti.

Beliau berkata, walaupun pelbagai cadangan dibuat mengenai had umur bagi ahli Puteri Umno, perkara itu belum ditetapkan.

"Kita belum buat sebarang keputusan sehingga mesyuarat (MT) yang akan datang," katanya sambil menambah, sejak cadangan itu dikemukakan, pelbagai tanggapan dibuat.

"Ada orang yang masuk surat khabar katanya kita panggil wanita makcik-makcik. Memanglah ini tak sepatutnya kita keluar perkataan yang semacam itu ... mungkin ini disalah faham bahawa mereka tidak berguna lagi.

"Tapi sebenarnya kita amat menghargai peranan wanita. Kalaupun mereka berumur sedikit, memang mereka cukup aktif dan menyumbang amat banyak kepada perjuangan Umno.

"Yang menjadi masalah kepada kita ialah kita tidak dapat menarik lebih ramai golongan muda menyertai Umno. Ini bukan terhad kepada Wanita saja, Pemuda juga kita harap menarik lebih ramai golongan lebih muda menyertai parti," katanya.

(END)